


# Gandakan Tokokan Anda

## Dengan Skim Simpanan Persaraan yang Dipadankan

Skim Simpanan Persaraan yang Dipadankan (MRSS) membantu rakyat Singapura berusia 55 tahun ke atas yang mempunyai simpanan CPF yang kurang untuk memiliki lebih banyak simpanan dengan memadankan tokokan tunai yang dibuat ke Akaun Persaraan (RA) mereka, sehingga \$2,000 setahun\*.

\*Dengan had \$20,000 untuk sepanjang hayat.



### Faedah:

- ✓ Gandakan tokokan tunai anda dengan geran pepadanan sedolar bagi setiap dolar
- ✓ Kembangkan RA anda dengan kadar faedah CPF yang stabil sehingga 6%<sup>^</sup> setahun
- ✓ Tingkatkan pembayaran bulanan anda semasa persaraan

Jika anda membuat tokokan tunai bulanan sebanyak...	Anda akan menerima geran pepadanan sebanyak...	Jumlah peningkatan pada simpanan RA anda...
\$50/bulan	\$600/tahun	\$1,200
\$168/bulan	\$2,000/tahun (maksimum)	\$4,016

### Kelayakan



Jika anda layak untuk MRSS, Lembaga CPF akan memaklumkan kepada anda di permulaan setiap tahun.



Anda juga boleh menyemak kelayakan anda [dalam talian](#).

[cpf.gov.sg/checkmrss](http://cpf.gov.sg/checkmrss)

### Bagaimana untuk membuat tokokan tunai?

Gunakan mana-mana pilihan berikut untuk menokok RA anda secara tunai sebelum 31 Dis:

**PayNow**

Pilihan 1

**GIRO**

Pilihan 2 (tokokan kecil secara kerap)

Layari [cpf.gov.sg/topup](http://cpf.gov.sg/topup) untuk membuat tokokan sekarang!

Geran pepadanan akan dimasukkan ke RA anda di permulaan tahun berikutnya.

\*Tokokan tunai yang menarik geran MRSS tidak layak untuk pelepasan cukai.

<sup>^</sup>Berdasarkan kadar faedah minimum 4% setahun bagi RA. Sehingga 6% bagi \$30,000 pertama daripada baki CPF yang digabungkan (terhad kepada \$20,000 untuk OA) dan sehingga 5% bagi \$30,000 seterusnya (terhad kepada \$20,000 untuk OA) untuk warga emas berusia 55 tahun ke atas.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari  
[cpf.gov.sg/mrss](http://cpf.gov.sg/mrss)

